

15 OCT 2001

Abdullah-Islam

NEGARA ISLAM: TIDAK PERLU UBAH PERLEMBAGAAN, KATA ABDULLAH

DUNGUN, 15 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan pada Perlembagaan berhubung kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Katanya, pemimpin-pemimpin Umno perlu menganggap Malaysia adalah negara Islam dan tidak perlu lagi untuk mengadakan perbincangan atau berdialog dengan pemimpin Pas berhubung perkara itu.

"Soal Pas (mahu Perdana Menteri mengisytiharkan di Parlimen bahawa Malaysia adalah negara Islam supaya ia dapat dibahaskan), itu soal merekalah, tak payah mereka berdialog tentang perkara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Terengganu di sini, hari ini.

Abdullah, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, berkata semua Biro Agama Umno mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur semalam dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan penerangan sejelas-jelasnya berhubung pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

"Pengisytiharan ini tidak memerlukan apa-apa pindaan kepada Perlembagaan berkaitan Malaysia sebagai negara Islam. Semuanya akan berjalan dengan keadaan baik, orang yang bukan Islam memang diberi hak untuk menganuti agama mereka, itu sudahpun termaktub dalam Perlembagaan," katanya.

Abdullah berkata pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional juga telahpun diberi penerangan berhubung kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN baru-baru ini.

Mengenai gesaan Badan Bukan Kerajaan, agar kerajaan menubuhkan pasukan perisikan lebih mantap, Abdullah berkata pasukan perisikan sememangnya telahpun wujud sekian lama.

"Yang mungkin dipertingkatkan ialah daripada segi profesionalisme dan juga alat-alat yang perlu digunakan, keduanya, mungkin daripada segi pendekatan yang perlu difikir untuk memastikan pendekatan itu kemas kerana situasi-situasi yang dihadapi pada masa kini agak berlainan dengan keadaan sebelumnya," katanya.

Abdullah berkata pasukan polis dan tentera Malaysia juga sentiasa berkongsi maklumat dengan perisikan luar negara untuk meningkatkan keberkesanan masing-masing.

-- BERNAMA

MS MRA MAI